

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 2/7/2008

# Washington jangan campur tangan – Perdana Menteri

Oleh HATA WAHARI

**KUALA LUMPUR** 1 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Washington tidak campur tangan dalam hal ehwal Malaysia terutama mengenai siasatan terhadap dakwaan liwat membatikan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, Kementerian Luar akan menghantar nota bantahan kepada Washington kerana kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) berhubung perkara itu merupakan satu sikap prejudis terhadap kerajaan, pe-

nguatkuasaan dan undang-undang negara.

“Tindakan Washington itu merupakan satu kenyataan yang dianggap cuba campur tangan dalam hal ehwal negara.

“Saya ingin menegaskan bahawa siasatan yang akan dijalankan ke atas Anwar dibuat dengan adil, tidak menzalimi beliau dan selama ini pun itu bukan matlamat serta amalan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Pembangkang, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail dan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Semalam jurucakap Jabatan Negara AS,

Tom Casey memberitahu, AS menentang sebarang penyiasatan atau pendakwaan bermotifkan politik terhadap Anwar.

Casey menegaskan, AS berpendapat bahawa perkara utama ialah undang-undang perlu dilaksanakan tetapi tidak boleh di bawah tekanan politik. AS, katanya, menentang sebarang tindakan pendakwaan atau prosedur kehakiman selain daripada tindakan undang-undang yang sah.

Satu laporan polis dibuat di Pondok Polis Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini Sabtu lalu oleh pembantu Anwar, Mohd. Saiful Bukhari Azlan, 23, yang menuduh beliau meliwatnya beberapa kali, termasuk kali terakhir di sebuah kondomi-

nium di Damansara pada 26 Jun lalu.

Abdullah menegaskan, kenyataan yang dikeluarkan oleh Washington itu adalah tidak kena dengan amalan dalam hubungan antarabangsa.

Ditanya mengenai kehendak Washington yang tidak mahu siasatan dijalankan, beliau memberitahu, siasatan itu akan tetap dijalankan oleh pihak berkuasa.

“Kerajaan tidak boleh menghentikan siasatan itu, saya tidak boleh campur tangan dalam hal ini, ia akan dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Mereka (PDRM) mempunyai pengalaman, tahu membuat kerja dan bertanggungjawab,” katanya.

Um - 2/7/2008